



! Ini bukan tentang keselamatan kebakaran – ini tentang bahaya dilanggar, dihipit, ditimpa atau terperangkap oleh sesuatu objek.

➤ DEFINISI 'LINE OF FIRE'


'Line of Fire' merujuk kepada situasi di mana seseorang berada dalam keadaan berbahaya, sama ada kerana berada dalam laluan objek yang sedang bergerak, atau terkena tenaga yang dilepaskan, yang boleh mengakibatkan kecederaan serius atau kematian.

➤ KATEGORI UTAMA BAHAYA 'LINE OF FIRE'


Bahaya Dilanggar Objek: Terkena objek yang jatuh atau dilanggar oleh kenderaan yang sedang bergerak.



Bahaya Terhimpit atau Tersepit: Anggota badan terperangkap di antara dua permukaan, seperti di antara kenderaan dan dinding.



Bahaya Tenaga Tersimpan: Kecederaan akibat pelepasan tenaga berbahaya yang tidak dijangka, seperti terkena percikan bahan kimia atau gas.



PENCEGAHAN BAHAYA 'LINE OF FIRE'



Lakukan pemeriksaan keselamatan harian ke atas peralatan bagi mengelakkan kerosakan mengejut.



Dengar dan beri perhatian semasa taklimat keselamatan dilaksanakan.



Mendapatkan latihan yang diperlukan sebelum menggunakan jentera berat.



Ikuti prosedur yang ditetapkan untuk mengendalikan mesin dengan betul.



Sentiasa peka terhadap persekitaran awda dan kenal pasti potensi bahaya.



Ikuti prosedur pengendalian mesin yang betul.



Laporkan sebarang potensi bahaya kepada pegawai keselamatan.



Lupuskan peralatan dan aset yang rosak dengan cara yang betul.



Pakai peralatan perlindungan diri yang sesuai.

